**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*MINISTRY OF EDUCATION*
**BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET**
*PROCUREMENT AND ASSET MANAGEMENT DIVISION*
**ARAS 5, BLOK E2, KOMPLEKS E,**
*LEVEL 5, BLOCK E2, COMPLEX E,*
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,**
*FEDERAL GOVERMENT ADMINISTRATIVE CENTRE*
**62604 PUTRAJAYA**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Telefon : 03-8884 6860
Faks : 03-8884 6824 / 6800
Laman web : www.moe.gov.my/bppa

**"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

Ruj. Kami : KPMSP.400-10/8/7 Jld 3 (67)
Tarikh : / Disember 2015

Semua Ketua Jabatan/Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Semua Pengarah Institut Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN BORANG BARU BAGI PENGESAHAN PELAKSANAAN KERJA BAGI PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK), PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK), PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK (BMB) DAN PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN MENTAH (BMM) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian telah membuat penambahbaikan kepada borang Pengesahan Pelaksanaan Kerja Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan (KBK), Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK), Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak (BMB) Dan Perkhidmatan Bekalan Makanan Mentah (BMM) di Sekolah/Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Penambahbaikan ini dibuat susulan daripada cadangan dan maklumbalas daripada pihak Sekolah/Institusi bagi memudahkan pengisian borang dan juga membuat pengesahan bagi tujuan pembayaran.

3. Bersama-sama ini disertakan panduan penggunaan borang serta ringkasan pindaan kepada borang pengesahan pelaksanaan perkhidmatan KBK ,PKK, BMB dan BMM serta borang-borang baru yang telah dikemaskini untuk perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan. Semua Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah/ Institusi Pendidikan dikehendaki menggunakan borang-borang ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2016**. Adalah diharapkan penggunaan borang-borang baru ini dapat dihebahkan kepada semua pihak yang terlibat. Panduan penggunaan borang dan juga kategori borang-borang baru ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM dan Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA).

**PENGGUNAAN BORANG BARU BAGI PENGESAHAN PELAKSANAAN KERJA BAGI PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK), PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK), PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN BERMASAK (BMB) DAN PERKHIDMATAN BEKALAN MAKANAN MENTAH (BMM) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Sekian untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(SHAHID-DIN BIN MOHD. KHATIB)**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

*No. Tel: 03-8884 9292* *Faks: 03-8884 6894* *E-mel: shahid.khatib.moe@1govuc.gov.my*

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dr. KSU
YBhg. Dato' Sri Dr. KPPM
YBhg. Dato' TKSU (Pengurusan)
YBhg. Dato' TKSU (Pembangunan Pelajaran)
SUB (Audit Dalam)
SUB (BKew)
SUB (Akaun)
Semua TSUB (BPPA)
Semua KPSU (BPPA)